NEGARA




Hospital Pakar Kuala Terengganu yang merupakan salah sebuah rangkaian pusat kesihatan dimiliki Kumpulan TDM.

# TDM catat kenaikan pendapatan 32 peratus

Oleh MOHD AZLI ADLAN   30 Ogos 2021, 5:29 pm

KUALA TERENGGANU – Kumpulan TDM Berhad yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri Terengganu mencatatkan pendapatan RM111 juta pada suku kedua kewangan tahun ini.

Pengerusi TDM, Raja Datuk Idris Raja Kamarudin berkata, ia merupakan kenaikan 32 peratus berbanding RM83.9 juta pada suku sama pada tahun lalu.

"Lonjakan pendapatan tersebut didorong oleh prestasi memberangsangkan bagi kedua-dua sektor iaitu peladangan dan penjagaan kesihatan masing-masing pada kadar RM57.3 juta dan RM53.7 juta

"Pendapatan pada bahagian penjagaan kesihatan telah meningkat sebanyak 49 peratus berbanding suku kedua tahun 2020," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Raja Idris berkata, pemulihan sektor penjagaan kesihatan di rangkaian hospital milik TDM disumbangkan oleh pertambahan bilangan pesakit pada kadar sehingga 66 peratus.

Jelas beliau, rangkaian hospital TDM juga telah terlibat sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) dengan kadar vaksinasi sebanyak 500 sehari selain sebahagiannya juga menjadi pusat pemindahan pesakit bukan Covid-19 daripada hospital kerajaan.

"Prestasi sektor penjagaan kesihatan pada masa hadapan amat bergantung kepada pencapaian imuniti kelompok dalam populasi negara ini yang dijangka dapat dicapai selewat-lewatnya hujung tahun ini," katanya. K! ONLINE

**Jika anda mengalami kemurungan dan tekanan hubungi:**

**MHPSS di 03-29359935 atau 014-3223392**

POPULAR


Angkasawan Perancis rakam foto Kuala Lumpur dari ISS
2 September 2021, 3:37 pm


Bayi lelaki ditemui dalam plastik
2 September 2021, 3:32 pm



20,988 kes baharu Covid-19 hari ini
2 September 2021, 3:26 pm


Pembaca berita veteran RTM meninggal
2 September 2021, 3:16 pm